



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN SEKOLAH -“BACK TO SCHOOL”

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
DAN UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK**

**DEWAN NUR, KPWKM
20 DISEMBER 2016 (SELASA)**

Pendahuluan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdullilah Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini bersempena dengan Majlis Penyerahan Peralatan Sekolah - ‘Back to School’ Program Kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) dengan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) yang diadakan khas untuk meraikan kanak-kanak yang bersekolah di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada UNIRAZAK yang telah sudi menjalankan CSR bersama KPWKM amnya, dan JKM khususnya. Berdasarkan prinsip Kebajikan adalah Tanggungjawab Bersama, pihak UNIRAZAK telah tampil membantu kanak-kanak yang berada di rumah kebajikan dengan menyumbangkan kelengkapan persekolahan untuk persediaan persekolahan yang akan dibuka tidak lama lagi. Saya difahamkan sumbangan kelengkapan persekolahan ini adalah untuk 500 orang kanak-kanak di institusi kanak-kanak. Namun pada hari ini, 2 buah Rumah Kanak-Kanak (RKK) iaitu RKK Tengku Budriah dan RKK Rembau akan menerima sumbangan ini.

Kanak-Kanak Di Bawah Institusi JKM

Hadirin Yang Dihormati,

2. Jumlah kanak-kanak di negara ini pada tahun 2016 mencecah 10 juta orang atau 32.2% daripada jumlah penduduk Malaysia. Anak-anak ini bakal menjadi kumpulan yang mencorak pembangunan dan halatuju negara. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui JKM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan

- program-program khususnya kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan.
3. Umum mengetahui bahawa penjagaan berasaskan keluarga adalah yang terbaik bagi kanak-kanak. Kanak-kanak yang dibesarkan oleh keluarga sendiri adalah lebih baik dari segi perkembangan diri mereka. Menjadi dasar kementerian ini, memasuki institusi kebajikan adalah merupakan pilihan terakhir. *Deinstitutionalization* (DI) adalah menjadi keutamaan bagi kementerian. Namun bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik yang dijaga di RKK, Kementerian tidak pernah mengabaikan kebajikan mereka. Kementerian tetap dan sedaya upaya menyediakan penjagaan terbaik buat mereka. Untuk pengetahuan semua, Rumah Kanak-Kanak merupakan institusi Tempat Selamat bagi tujuan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak. JKM mempunyai 13 RKK di seluruh negara di mana kanak-kanak diberi jagaan di samping menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni.
 4. Sehubungan dengan itu, JKM telah membuat pelbagai aktiviti dan program seperti program pembangunan sahsiah diri, latihan kemahiran, akademik, ceramah, kempen kesedaran, kempen keselamatan, seminar dan banyak lagi. Program-program ini diadakan bukan sahaja kepada kanak-kanak yang berada di institusi JKM, malahan di luar institusi juga supaya semua kanak-kanak yang *vulnerable* mendapat hak mereka yang sepatutnya dan seterusnya membangunkan potensi diri mereka.

Memperkembang Potensi Kanak-Kanak

Hadirin Yang Dihormati,

5. Potensi diri kanak-kanak yang berada di institusi kanak-kanak juga menjadi salah satu fokus utama JKM di mana kanak-kanak menjalani pelbagai program berbentuk pendidikan, keagamaan, kebudayaan, kesukuanan dan kaunseling. Pendidikan secara formal dan tidak formal diberikan kepada setiap kanak-kanak sebagai bekalan kepada mereka apabila keluar daripada institusi nanti. Dengan memiliki kecemerlangan akademik, adalah diharapkan kanak-kanak mampu untuk berdikari dan menjadi individu yang cemerlang dan berjaya pada masa hadapan. Kementerian menitikberatkan pencapaian akademik di institusi. Banyak juga pencapaian kanak-kanak di institusi yang dapat dibanggakan. Ramai kanak-kanak yang telah keluar dari institusi JKM telah berjaya dalam bidang masing-masing. Bagi tahun 2015, seramai 439 anak-anak kita yang telah berjaya memperoleh sebanyak 197 "A" dalam pelbagai subjek.
6. Selain menyediakan pendidikan akademik kepada kanak-kanak di institusi, JKM telah mengambil inisiatif memperkenalkan program latihan kemahiran bagi melatih kanak-kanak di institusi sebagai persediaan apabila mereka keluar dari institusi. JKM telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan GIATMARA. Bagi tahun 2016, institusi-institusi kita juga telah berjaya melahirkan seramai 269 orang kanak-kanak yang menerima Sijil Kemahiran yang diiktiraf.

Kerjasama Strategik

7. Suka saya menyatakan di sini bahawa, Kementerian amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan Kementerian bagi meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada bentuk kewangan atau material semata-mata. Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, sokongan secara mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada kanak-kanak yang memerlukan.
8. Kerajaan tidak mampu melaksanakan secara bersendirian dan sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama secara holistik daripada semua pihak. Sebenarnya jalinan perkongsian bijak dan kerjasama strategik di antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela kebajikan dan masyarakat umum adalah selaras dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama” sebagai contoh Kementerian ini pernah bekerjasama dengan Great Eastern Life, KFC Holdings, Nestle, Dutch Lady, Colgate, Karangkraf, F&N, TNB dan banyak lagi.

Penutup

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Prof. Datuk Seri Dr. Md. Zabid bin Hj. Abdul Rashid, Presiden dan Naib Canselor UNIRAZAK di atas sumbangan yang telah diberikan kepada Kementerian. Ucapan syabas dan tahniah sekali lagi di atas kejayaan menganjurkan Majlis Penyerahan Peralatan Sekolah- ‘*Back to School*’ Program Kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dengan UNIRAZAK pada kali ini.
10. Tidak dilupakan anak-anak yang berada di hadapan saya ini yang saya kasihi dan sayangi sekalian. Semoga ini menjadi titik tolak semangat anak-anak sekalian untuk terus bersemangat dan berjaya.
11. Sekalung ucapan syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua pihak yang terlibat serta bertungkus lumus dalam menjayakan majlis pada hari ini.
12. Dengan harapan dan doa agar usaha murni ini mendapat keberkatan Ilahi, dengan lafadz **Bismillahirrahmanirahim** saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyerahan Peralatan Sekolah ‘*Back to School*’ – Program kerjasama antara ‘Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dengan UNIRAZAK.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warrahmatulahi Wabarakatuh.